TERMS AND CONDITIONS FOR ATLAS X GUARDIAN RM10 CASHBACK
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN ATLAS X GUARDIAN RM10 PULANGAN TUNAI

Effective 1 November 2026 – 30 April 2027 / Berkuat kuasa 1 November 2026 – 30 April 2027

DEFINITIONS

For these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires: -

a) "BMMB" or "the Bank" (whichever is applicable) means Bank Muamalat Malaysia Berhad (Company No 196501000376 (6175-W)), an Islamic Banking Institution incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and its registered address at Level 30, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

b) "Campaign" refers to ATLAS x Guardian where details are set out in these Terms and Conditions.

c) "Campaign Period" means the official time frame during which the Campaign is active and Participants are Eligible to qualify.

d) "Participants" means Individuals who are participating in this Campaign.

e) "ATLAS" refers to the ATLAS by Bank Muamalat Malaysia Berhad services or the Bank's Digital Banking Services.

For clarity, any reference in these Terms to "ATLAS" or "the Bank" shall be construed interchangeably and shall refer to the same party, namely ATLAS, unless the context expressly requires otherwise.

1. CAMPAIGN PERIOD

1.1. This Campaign will run from 1 November 2026 – 30 April 2027 (both dates inclusive) ("Campaign Period"). The Campaign is promoted through banner placements within the Guardian application.

DEFINISI

Bagi Maksud terma dan syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya: -

a) "BMMB" atau "Bank" (yang mana berkenaan) bermakna Bank Muamalat Malaysia Berhad (No. Syarikat 196501000376 (6175-W)), Institusi Perbankan Islam yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Alamat berdaftar di Tingkat 30, 21 Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

b) "Kempen" Merujuk kepada ATLAS x Guardian seperti yang diperincikan dalam Terma dan Syarat ini.

c) "Tempoh Kempen" bermaksud jangka masa rasmi di mana Kempen ini dijalankan dan Peserta Layak untuk menyertai.

d) "Peserta" bermaksud Individu yang menyertai Kempen ini.

e) "ATLAS" merujuk kepada perkhidmatan ATLAS oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad atau Perkhidmatan Perbankan Digital Bank.

Untuk penjelasan, sebarang rujukan dalam Terma ini kepada "ATLAS" atau "Bank" hendaklah ditafsirkan secara bergantian dan merujuk kepada pihak yang sama, iaitu ATLAS, melainkan jika konteks dengan nyata menghendaki sebaliknya

1. TEMPOH KEMPEN

1.1. Kempen ini akan berlangsung dari 1 November 2026 – 30 April 2027 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen"). Kempen ini akan dipromosikan melalui peletakan sepanduk *(banner)* dalam aplikasi Guardian.

A Member of DRB-HICOM

1.2. Each Eligible Participant is entitled to **one (1) entry** throughout the Campaign Period.

1.2. Setiap Peserta yang Layak berhak kepada **satu (1) penyertaan sahaja** sepanjang Tempoh Kempen.

2. ELIGIBILITY

2.1. The following Participants are ELIGIBLE to participate in the Campaign:

a. Individual - All new customer aged 18 years and above with MyKad ID

2.2. Participants must register and activate their **ATLAS Savings Account-i** in accordance with the **ATLAS Savings Account-i Terms & Condition** issued by the Bank.

2.3. Participants are not required to maintain minimum account balance of RM10 throughout the Campaign Period. Upon depositing RM10, participants are free to withdraw or utilize the deposited amount. Any cashback earned under this Campaign will be credited within 60 calendar days in accordance with Clause 4.2.

2.4. **The ATLAS Savings Account-i** must remain active and in good standing (i.e., not suspended, restricted. Dormant or under closure process) for the entire Campaign Period and at the time of prize fulfilment.

2.5. All permanent and/or contract employees of BMMB are eligible to participate in this Campaign, with the absolute exception of employees directly involved in the planning, design, administration, system management, data extraction, validation, or determination of Eligible Recipients /Winners for this Campaign.

2.6. The rewards under this Campaign are non-cumulative, non-transferable, and

2. KELAYAKAN

2.1. Peserta berikut adalah **LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:

a. **Individu –** Semua pelanggan baharu yang berumur **18 tahun dan ke atas** serta memiliki **MyKad**.

2.2. Peserta hendaklah mendaftar dan mengaktifkan **Akaun Simpanan ATLAS-i** selaras dengan **Terma dan Syarat Akaun Simpanan ATLAS-i** yang dikeluarkan oleh Bank.

2.3. Peserta tidak dikehendaki untuk mengekalkan baki minimum akaun sebanyak RM10 sepanjang Tempoh Kempen. Setelah meletakkan deposit RM10, peserta adalah bebas untuk mengeluarkan atau menggunakan jumlah pulangan tunai tersebut seperti biasa. Sebarang pulangan tunai (cashback) yang diperoleh di bawah Kempen ini akan dikreditkan dalam tempoh 60 hari kalendar mengikut Klausa 4.2.

2.4. **Akaun Simpanan ATLAS-i** hendaklah kekal aktif dan berada dalam kedudukan yang baik (iaitu tidak digantung, dihadkan, tidak aktif/dorman atau dalam proses penutupan) sepanjang Tempoh Kempen dan pada masa penyempurnaan pemberian hadiah.

2.5. Semua pekerja tetap dan/atau kontrak BMMB adalah layak untuk menyertai Kempen ini, kecuali pekerja yang terlibat secara langsung dalam perancangan, pembangunan, pentadbiran, pengurusan sistem, pengekstrakan data, pengesahan, atau penentuan Penerima Layak/ Pemenang bagi Kempen ini.

2.6. Ganjaran di bawah Kempen ini adalah tidak kumulatif, tidak boleh dipindah

A Member of DRB-HICOM

mutually exclusive. Eligible Recipients under this Campaign are not entitled to participate in, or receive rewards from, any other concurrent promotional campaigns or product offers organized by BMMB utilizing the same qualifying transaction(s), account sign-up, or spend criteria.

2.7. In the event that a qualifying transaction meets the criteria of multiple concurrent campaigns, BMMB reserves the sole right to determine which campaign reward shall be credited to the customer. Under no circumstances shall a customer be entitled to receive "double" or "stacked" rewards for a single qualifying transaction.

3. CAMPAIGN MECHANICS

To participate in the Campaign, **Participants must complete all the following steps:**

3.1. Participants must complete the ATLAS Savings Account-i registration process using the referral code "GUARDIAN10" via the ATLAS mobile application during the Campaign Period.

3.2. Participants must place a **minimum deposit of RM10** into their newly opened ATLAS Savings Account-i during the Campaign Period.

3.3. Participants must successfully fulfil all Campaign requirements as stipulated in these Terms and Conditions.

4. CAMPAIGN REWARD

4.1. Participants who meet the eligibility criteria set out in Clause 2 and successfully complete the Campaign requirements specified in Clause 3 shall be entitled to receive one (1) RM10 Cashback under this Campaign.

milik dan bersifat eksklusif. Penerima Layak di bawah Kempen ini tidak berhak untuk menyertai atau menerima ganjaran daripada mana-mana kempen promosi atau tawaran produk lain yang dijalankan secara serentak oleh BMMB yang menggunakan transaksi layak, pendaftaran akaun atau kriteria perbelanjaan yang sama.

2.7. Sekiranya sesuatu transaksi layak memenuhi kriteria bagi lebih daripada satu kempen yang dijalankan secara serentak, BMMB berhak sepenuhnya untuk menentukan ganjaran kempen yang akan dikreditkan kepada pelanggan. Dalam apa jua keadaan sekalipun, pelanggan tidak berhak untuk menerima ganjaran berganda atau bertindih ("double" atau "stacked rewards") bagi satu transaksi layak yang sama.

3. MEKANISME KEMPEN

Untuk menyertai Kempen ini, **Peserta hendaklah melengkapkan semua langkah berikut:**

3.1. Peserta hendaklah melengkapkan proses pendaftaran Akaun Simpanan-i ATLAS menggunakan kod rujukan "GUARDIAN10" melalui aplikasi mudah alih ATLAS dalam Tempoh Kempen.

3.2. Peserta hendaklah meletakkan deposit **minimum sebanyak RM10** ke dalam Akaun Simpanan-i ATLAS yang baharu dibuka sepanjang Tempoh Kempen.

3.3. Peserta hendaklah memenuhi semua keperluan yang dinyatakan di bawah Terma dan Syarat ini untuk meLayakkan diri menerima Ganjaran Kempen.

4. GANJARAN KEMPEN

4.1. Peserta yang memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Klausa 2 serta berjaya memenuhi keperluan Kempen yang ditetapkan dalam Klausa 3 layak menerima satu (1) Cashback RM10 di bawah Kempen ini.

A Member of DRB-HICOM

4.2. The RM10 Cashback will be credited into the Eligible participant's ATLAS Savings Account-i within sixty (60) calendar days from the date all qualifying criteria have been fulfilled.

4.3. Each Eligible participant is entitled to receive one (1) RM10 Cashback only under this Campaign.

4.4. The Eligible participant's ATLAS Savings Account-i must remain active and in good standing at the time the Cashback is credited.

4.5. The Cashback is non-transferable, non-exchangeable and cannot be substituted for any other form of benefit.

4.6. Eligible Participants who successfully apply the referral code for this Campaign shall only be entitled to the cashback reward offered under this Campaign. The cashback reward cannot be combined or stacked with any other cashback campaign or reward for the same qualifying transaction.

4.7. Bank Muamalat Malaysia Berhad reserves the right to withhold, cancel or forfeit the Cashback if it determines that the Eligible Participant has breached any provision of these Terms and Conditions or has engaged in any fraudulent, unlawful or suspicious activity in relation to this Campaign.

5. GENERAL TERMS

5.1. By participating in this Campaign, program or activity, Participants hereby agree and consent to his/her personal data being collected, processed and used by Bank in accordance with the Personal Data Protection Act, 2010 and ATLAS Privacy Notice, which may be viewed on atlasmuamalat.com.my for the following purposes:

a. Any matters related to the Campaign; and

4.2. Pulangan Tunai RM10 akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i ATLAS milik Peserta yang Layak dalam tempoh enam puluh (60) hari kalendar dari tarikh semua syarat kelayakan dipenuhi.

4.3. Setiap Peserta yang Layak hanya berhak menerima satu (1) Pulangan Tunai (Cashback) RM10 di bawah Kempen ini.

4.4. Akaun Simpanan-i ATLAS milik Peserta yang Layak hendaklah kekal aktif dan berada dalam keadaan baik semasa proses pengkreditan Pulangan Tunai dibuat.

4.5. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik, [illegible]kar atau ditebus kepada apa-apa bentuk manfaat lain.

4.6. Peserta Layak yang berjaya menggunakan kod rujukan bagi Kempen ini hanya layak menerima ganjaran pulangan tunai yang ditawarkan di bawah Kempen ini. Ganjaran pulangan tunai tersebut tidak boleh digabungkan dengan mana-mana kempen pulangan tunai atau ganjaran lain bagi transaksi kelayakan yang sama.

4.7. Bank Muamalat Malaysia Berhad berhak untuk menahan, membatalkan atau melucutkan Pulangan Tunai sekiranya didapati Peserta yang Layak telah melanggar mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini atau terlibat dalam sebarang aktiviti yang bersifat penipuan, menyalahi undang-undang atau mencurigakan berkaitan Kempen ini.

5. TERMA AM

5.1. Dengan menyertai Kempen ini, program atau aktiviti yang berkaitan, Peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran untuk data peribadi beliau dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010 dan Notis Privasi ATLAS, yang boleh dilihat di atlasmuamalat.com.my untuk tujuan-tujuan berikut:

a. Sebarang perkara yang berkaitan dengan Kempen; dan

A Member of DRB-HICOM

b. Display of Participants full name where necessary for the purpose of administering the Campaign, program or activity.

c. Marketing and promotional activities conducted by Bank, including without limitation to the use and/ or publication of any details provided in and/or in connection to the entries, interview material as well as responses and related photographs in any form of advertising or publicity media and materials.

Notwithstanding the above, Bank shall protect the personal data of Participants, and the Participants may further agree to co-operate and participate in all reasonable advertising and publicity activities of ATLAS in relation to the Campaign without any compensation and/or consideration.

Participants may opt out of the above consent statement by contacting ATLAS through the contact number and email address provided in these Terms and Conditions.

5.2. Bank reserves the right to amend any part of these Terms and Conditions by giving prior notice to the Participants and Participants are bound by such changes. Such notice may be published on the ATLAS website or Application or any medium as deemed appropriate by the Bank. It shall be the responsibility of the Participants to be informed or otherwise seek out any such notice(s) validly posted regularly.

5.3. BMMB reserves the right, at its sole and absolute discretion, to disqualify any participant and/or forfeit any rewards if there is any suspicious activity, non-compliance with these Terms and Conditions, or attempts to exploit multiple promotional campaigns.

b. Paparan maklumat peribadi Peserta (seperti nama penuh Peserta) jika perlu bagi tujuan pelaksanaan Kempen.

c. Aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang maklumat yang diberikan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temuramah serta maklum balas dan gambar berkaitan dalam sebarang bentuk media dan bahan iklan atau publisiti.

Walau bagaimanapun, Bank akan melindungi data peribadi Peserta dan Peserta juga bersetuju untuk bekerjasama serta mengambil bahagian dalam semua aktiviti iklan dan publisiti yang munasabah oleh ATLAS berkaitan dengan Kempen tanpa sebarang pampasan dan/atau pertimbangan.

Peserta boleh menolak persetujuan di atas dengan menghubungi ATLAS melalui nombor telefon dan alamat emel yang disediakan dalam Terma dan Syarat

5.2. Bank berhak untuk meminda mana-mana bahagian Terma dan Syarat ini dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Peserta dan Peserta terikat dengan perubahan tersebut. Notis tersebut boleh diterbitkan oleh ATLAS di laman web atau Aplikasi atau melalui apa-apa medium lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Peserta bertanggungjawab untuk mendapatkan makluman atau secara sendiri mencari sebarang notis yang sah yang diterbitkan dari semasa ke semasa.

5.3. BMMB berhak, atas budi bicara mutlak dan sepenuhnya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta dan/atau melucutkan sebarang ganjaran sekiranya terdapat sebarang aktiviti yang mencurigakan, ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat ini, atau sebarang percubaan untuk mengeksploitasi pelbagai kempen promosi.

PERBANKAN ISLAM
PIDM
A Member of DRB-HICOM

5.4. This Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of Bank Negara Malaysia (BNM) and other relevant bodies and authority, in force, from time to time.

5.5. The Terms and Conditions are also subject to all prevailing provisions of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA) and Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing, Anti-Restricted Activity Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA).

5.6. All parties are expected to understand and comply with the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (including any amendments thereof). Bank reserves the right to report any actions or activities subjected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and include to terminate the transaction hereof.

5.7. For any enquiries, feedback and/or request relating to this terms and conditions, Participants may contact the ATLAS's Customer Support team at +603-20215888 or email to ask@atlasmuamalat.com.my

5.8. The Terms and Conditions including the discretionary rights and/or power given to any parties under this Terms and Conditions shall be subject to Shariah principles.

5.9. This Terms and Conditions is provided in both languages, English and Bahasa Malaysia. In case of any inconsistency between these two, the English version shall prevail.

5.4. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia serta peraturan, garis panduan dan arahan Bank Negara Malaysia (BNM) dan badan serta pihak berkuasa yang berkaitan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

5.5. Terma dan Syarat ini juga tertakluk kepada semua peruntukan yang berkuat kuasa di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Terlarang dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

5.6. Semua pihak dijangka memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaan ke atasnya). Bank berhak untuk melaporkan sebarang tindakan atau aktiviti yang didapati bersifat jenayah kepada pihak polis atau pihak berkuasa yang berkaitan serta berhak untuk menamatkan transaksi yang berkaitan.

5.7. Untuk sebarang pertanyaan, maklum balas dan/atau permintaan berkaitan Terma dan Syarat ini, Peserta boleh menghubungi pasukan Sokongan Peserta ATLAS di talian +603-20215888 atau emel ke ask@atlasmuamalat.com.my.

5.8. Terma dan Syarat ini termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada prinsip Syariah.

5.9. Terma dan Syarat ini disediakan dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara kedua-dua versi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

PERBANKAN ISLAM
PIDM
A Member of DRB-HICOM